

Produk pelancongan bermutu janji pulangan lumayan kepada penduduk luar bandar

BP theborneopost.com/2016/08/11/produk-pelancongan-bermutu-janji-pulangan-lumayan-kepada-penduduk-luar-bandar/

August 11, 2016, Thursday



ANGKAT SUMPAH: Sebahagian daripada ahli MDB yang mengangkat sumpah di hadapan Uggah semalam.

BETONG: Produk pelancongan bermutu disertai dengan publisiti meluas akan menjanjikan pulangan lumayan kepada penduduk luar bandar yang mengusahakannya.

Justeru, Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) bersikap lebih proaktif menganjurkan program-program yang dapat menarik kemasukan pelawat.

Betong menurutnya mempunyai banyak tarikan pelancongan yang boleh dijadikan modal menarik pelancong tempatan dan antarabangsa.

“Kita ada Bukit Sadok, rumah panjang berusia lebih 100 tahun, kawasan perkelahan, pantai di Kabong serta banyak lagi tarikan lain di seluruh bahagian Betong,” katanya pada Majlis Angkat Sumpah Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli Majlis Daerah Betong di sini, semalam.

Selaku Menteri Pemodenan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar, Uggah meminta Majlis Daerah Betong berbincang dengan wakil rakyat, penduduk kampung serta generasi muda untuk menjana idea bagi mempertingkatkan kualiti serta taraf hidup rakyat.

“Kita perlu mempunyai visi yang jelas untuk Betong dan bersama berganding bahu memajukan lagi negeri kita demi kehidupan yang lebih baik untuk rakyat,” katanya.

Uggah juga meminta semua ahli majlis daerah yang dilantik memainkan peranan menjalankan aktiviti menanam lebih banyak pokok serta bunga-bunga sebagai hiasan untuk mewujudkan suasana desa dalam taman.

Katanya pihak Majlis juga perlu peka dengan isu yang dihadapi rakyat, khususnya pengurusan sisa pepejal

supaya tidak menimbulkan suasana tidak selesa serta boleh mendatangkan kemudatan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Layan Gerald Rentap Jabu, ADUN Saribas Mohammad Razi Sitam, ADUN Engkilili Dr Johnical Rayong Ngipa, ADUN Beting Maro Razaili Gapor dan Residen Betong Datu Romie Sigan Daniel.

This service is provided on BorneoPost online standard [Policies and Conditions](#). Copyright 2010-2015 BorneoPost Online. All Rights Reserved.